

# MAJLIS PENUTUP EKSESAIS SUMAN PROTECTOR 2017

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2522-majlis-penutup-eksesais-suman-protector-2017](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2522-majlis-penutup-eksesais-suman-protector-2017)

GEMAS, 5 Okt 17 – Majlis penutup Eksesais *Suman Protector* 2017 telah disempurnakan oleh *Singapore's Chief of Defence*, Lt Jen Perry Lim di Pusat Olah Perang Tentera Darat, Gemas, Negeri Sembilan.

Eksesais yang bermula pada 25 Sep yang lalu melibatkan penyertaan 177 warga tentera dari lima buah negara FPDA iaitu Malaysia, Singapura, United Kingdom, Australia dan New Zealand. Turut sama mengambil bahagian dalam eksesais ini adalah Kementerian Pertahanan, Polis Diraja Malaysia, *International Committee of the Red Cross* (ICRC), Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan MERCY Malaysia.

Turut hadir semasa majlis penutup ini Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan Timbalan Panglima Tentera Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Ackbal bin Hj Abdul Samad TUDM mewakili Panglima Tentera Udara.

